

**CATATAN SESI DIALOG ISU-ISU BAJET 2021 ANTARA LHDNM  
DENGAN  
PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**

<b>TARIKH</b>	<b>8 Februari 2021</b>	
<b>MASA</b>	<b>9.30 pagi - 12.40 tengah hari</b>	
<b>KAEDAH</b>	<b>Secara maya menggunakan aplikasi Zoom Meeting</b>	
<b>KEHADIRAN</b>		
<b>PERWAKILAN LHDNM</b>		
1.	Dato' Sri Dr. Sabin Samitah	Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM - <b>Pengerusi</b>
2.	En. Abu Tariq Jamaluddin	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Dasar
3.	Datuk Mohd Nizom Sairi	TKPE Operasi Percukaian
4.	Datuk Mohd Jaafar Embong	TKPE Pematuhan
5.	Datuk Dr. Sotimin Muhalip	TKPE Pengurusan
6.	Pn. Salamattunnajan Besah	Pengarah Jabatan Dasar Percukaian (JDP)
7.	Pn. Amnah Tawil	Pengarah Negeri Selangor
8.	Pn. Wan Ramiza Wan Ghazali	Pengarah Cawangan Industri Khas (CIK)
9.	En. Che Muhammad Sukri Che Hussin	Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai
10.	En. Azizol Ahmad	Pengarah Jabatan Pungutan Hasil (JPH)
11.	Dato' Adenan Che Semail	Pengarah Jabatan Operasi Cukai
12.	En. Roszamman Md Nawi	Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB)
13.	Datuk Hajam Lajah Alam	Pengarah Negeri Sabah
14.	En. Shaharrudy Othman	Pengarah Negeri Perak
15.	Dr. Gunasegaran Muthusamy	Pengarah Jabatan Penyelidikan Percukaian (JPP)
16.	En. Hisham Rusli	Pengarah Caw. Cukai Multinasional (CCM)
17.	En. Hishamudin Mohamed	Pengarah Jabatan Khidmat Korporat
18.	En. Mohamad Fauzi Saat	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya
19.	En. Kamarudin Hashim	Pengarah Negeri Sembilan/ Melaka
20.	En. Mohamad Zain Mohamad Said	Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur
21.	En. Norisham Long	Pengarah Jabatan, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
22.	Y.M. Raja Kamarul Zaman Raja Musa	Pengarah Bahagian, Jabatan Undang- undang (JUJ)

23.	Pn. Zaleha Adam	
24.	En. Ahmad Khairuddin Abdullah	
25.	En. Marsidi Zelika	Pengarah Bahagian, JPH
26.	En. Vijayen A/L Nagalingham	Pengarah Bahagian, CPCB
27.	Cik Norfaidah Daud	Pengarah Bahagian, JDP
28.	Pn. Rosnita Ahmad	Pengarah Bahagian, CIK
29.	Pn. Norhanadia Samsudin	Akademi Percukaian Malaysia
30.	Dr. Esther A.P. Koisin	Pengarah Jabatan Percukaian Antarabangsa (JPCA)
31.	En. Yaacob Othman	Pengarah Bahagian, JDP
32.	Pn. Azalina Hamdi	Pengarah Jabatan Operasi Setem & CKHT (JOSC)
33.	Pn. Norhaslinda Bukhari	Pengarah Bahagian, JDP
34.	Pn. Anis Sabirin Jaapar	
35.	Pn. Siti Norrizan Abd Hadi	
36.	Pn. Faizah Aman	
37.	Pn. Asnidar Mohamad	
38.	Pn. Neng Juliana Ismail	Pengarah Seksyen, JUU
39.	Pn. Hairaneey Mhd	Pengarah Bahagian, JPCA
40.	Ms. Ranjeet Kaur	Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat
41.	En. Syaiful Nizam B. Abdul Majid	Pengarah Cawangan Labuan
42.	Pn. Serina Ismail	JDP
43.	Pn. Amishah Ismail	
44.	Pn. Anizah Ahad	
45.	En. Amir Zainuddin Abdul Hamid	JPCA
46.	En. Zukhaire Zulkifli	CIK
47.	Pn. Suhani Anuar	CCM
48.	Pn. Shafini Abd Samad	JUU
49.	Datin Azah Muhamad	JDP
50.	Pn. Nor Ashikin Mohd Nadzari	
51.	Pn. Nor Habibah Hamidon	JOSC
52.	Pn. Azniyati Md Ralib	
53.	En. Mohd Rosli Ahmad Noor	
54.	Pn. Khatijah Mohd Rashid	JDP
55.	En. Mohamad Harzani Tahir	JUU
56.	En. Wee Ching Hua	Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
57.	Dr. Muhammad Najib Samad	
58.	Pn. Nor Fazleen Abdullah	
59.	Pn. Farah Eileena Hussein	
60.	Dr. Mohd Arif Romli	JPP
61.	En. Safilidin Muhamad Ramli	
62.	Pn. Melisa Nadia Abd Malek	JPCA

63.	Pn. Sri Sazreena Mohd Salehud-Din	Sekretariat
64.	Pn. Faezunur Natasya Hussain	
65.	Pn. Noorhaya Ibrahim	
<b>PERWAKILAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)</b>		
66.	Pn. Mahfuzah Bahrin	
67.	En. Mohd Nakhafi Hassan	
68.	En. Ibrahim Abdullah	
69.	Pn. Suzilawaty Shuib	
70.	En. Mohamad Azizal Abd Aziz	
71.	En. Mohd Fadzlee bin Malik	
72.	Pn. Norkhairiah Zainuddin	
73.	En. Mohd Gani Mohd Ismail	
74.	En. Rishi A/L K Presanth	
75.	Pn. Ainul Farahana Ahmad	
76.	Pn. Siti Hajar Yaacob	
77.	Pn. Farah Wahida binti Rahmat	
<b>PERWAKILAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN</b>		
<b>Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)</b>		
78.	Ms. Farah Rosley	
79.	Mr. Thenesh Kannaa	
80.	Mr. Steve Chia	
81.	Ms. Leow Mui Lee	
82.	Mr. K Sandra Segaran	
83.	Mr. Chong Mun Yew	
84.	Ms. Ng Say Guat	
85.	Mr. Thong Vee Kean	
<b>The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)</b>		
86.	Mr. Beh Tok Koay	
87.	Mr. Poon Yew Hoe	
88.	Ms. Theresa Goh Lee Hwa	
89.	Ms. Woon Yoke Lee	
90.	Ms. Chiam Pei Pei	
91.	Ms. Tan Yu Yin	
<b>Malaysian Institute of Accountants (MIA)</b>		
92.	Dr. Veerinderjeet Singh	
93.	Mr. Yee Wing Peng	
94.	Ms. Carol Eng	
95.	Mr. Surin Segar A/L Gnanasegaram	
96.	Ms. Rasmimi Ramli	
97.	Ms. Rafidah Mohd Noor	
<b>Malaysian Association of Tax Accountants (MATA)</b>		
98.	Dr. Mohd Fairuz A. Razak	
99.	Mr. Mohameed Faisal Syed Ibrahim	

100.	Ms. Razina Mazelan
101.	Ms. Fadhlina Mohd Zakri
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)	
102.	Mr. Vincent Tan Choong Kiang
103.	Mr. Simon Yeoh Seng Leong
104.	Datuk Francis Tan Leh Kiah
105.	Ms. Chin Woon Li
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)	
106.	Ms. Siti Suhada Rosdi

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM selaku Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil persatuan akauntan dan pengamal percukaian (CTIM, MICPA, MIA, MAICSA, MATA dan MACS), wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), pengurusan tertinggi LHDNM dan pegawai-pegawai LHDNM ke sesi dialog ini. Pada tahun ini, sesi dialog diadakan secara maya bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa sebagai usaha mengekang penularan COVID-19.
- 1.2 Pengerusi merakamkan ucapan tahniah atas kenaikan pangkat dan pelantikan Puan Che Nazli Jaapar sebagai Setiausaha Bahagian Cukai yang baharu berkuat kuasa mulai 3 Februari 2021. Pengerusi turut memperkenalkan En. Abu Tariq Jamaluddin yang dilantik sebagai TKPE (Dasar) yang baharu mulai 1 Februari 2021.
- 1.3 Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa terdapat proses yang berterusan antara pihak MOF dan LHDNM berhubung dengan penjajaran antara prinsip perakaunan dengan layanan percukaian di bawah *Malaysia Financial Reporting Standard*. LHDNM juga memberi jaminan bahawa aktiviti penguatkuasaan bagi mencapai kutipan hasil yang ditetapkan pada tahun ini bukanlah didorong oleh penetapan KPI. Sebaliknya, peningkatan tindakan audit dan siasatan adalah disebabkan oleh keupayaan LHDNM untuk memperolehi maklumat daripada pelbagai sumber termasuklah penggunaan *Big Data*, *Artificial Intelligence* dan *audit tools*. Tindakan audit dan siasatan juga akan dilaksanakan secara profesional dan mengikut rangka kerja yang ditetapkan. LHDNM juga merangka strategi untuk melaksanakan *co-operative compliance*, di mana fokus diberikan kepada penyediaan rangka kerja Tax Corporate Governance bagi memastikan syarikat terutamanya syarikat multinasional membayar cukai yang sepatutnya dengan seliaan dan semakan yang minimum daripada pihak LHDNM.

1.4 Pengerusi berharap sesi dialog ini menjadi platform kepada LHDNM dan persatuan akauntan serta pengamal percukaian dalam memberi kefahaman yang jelas berhubung pelaksanaan sesuatu dasar dan isu-isu percukaian yang berkaitan. Pihak LHDNM amat menghargai segala komen dan cadangan yang dikemukakan di dalam *Joint Memorandum on Issues Arising from 2021 Budget Speech & Finance Bill 2020*. Ianya jelas menunjukkan kerjasama dan penglibatan aktif secara berterusan antara pentadbiran percukaian dengan pengamal percukaian dalam membincangkan hal-hal cukai yang sering menjadi perhatian utama kedua-dua belah pihak.

1.5 Sesi dialog seterusnya dikendalikan oleh En. Thenesh Kannaa, *Head of Technical Committee of CTIM* manakala LHDNM diketuai oleh En. Abu Tariq Jamaluddin, TKPE Dasar LHDNM bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak perwakilan.

## **2. PERBINCANGAN ISU**

2.1. Perbincangan bersama telah diadakan berhubung isu-isu yang dibangkitkan di dalam *Joint Memorandum on Issues Arising from 2021 Budget Speech & Finance Bill 2020* bertarikh 7 Disember 2020.

2.1 Pada tahun ini, LHDNM mengambil pendekatan untuk mengemukakan draf maklum balas lebih awal kepada pihak badan profesional dan hanya isu-isu tertentu yang dibangkitkan semasa sesi dialog. Bagi isu-isu yang tidak dibincangkan semasa sesi dialog, LHDNM masih boleh meminda maklum balas berkenaan sekiranya didapati perlu. Keseluruhan maklum balas yang dimuktamadkan akan disusuli secara bertulis.

## **3. PERBINCANGAN PERKARA LAIN**

3.1 Selain daripada isu yang dibangkitkan di dalam perkara 2.1, terdapat beberapa isu lain yang dibangkitkan seperti berikut:

### **3.2 Tarikh Penganjuran Sesi Dialog**

3.2.1 Mewakili pihak badan profesional, Dr. Verinderjeet Singh, presiden MIA dan MICPA mencadangkan agar sesi dialog diadakan lebih awal iaitu semasa rang undang-undang diperdebatkan di Parlimen atau sebelum diwartakan. Ini dapat memberi peluang sekiranya sesuatu peruntukan perlu dipinda, maka pindaan tersebut masih boleh dibuat di peringkat jawatankuasa.

3.2.2 Selain itu, pengemukakan draf maklum balas lebih awal kepada pihak badan profesional merupakan suatu inisiatif yang baik dan perlu diteruskan pada masa akan datang.

#### 4. PENUTUP

- 4.1. Pengerusi berharap sesi dialog ini memberikan manfaat kepada semua pihak dan segala isu telah diperjelaskan. Sekiranya masih terdapat isu berbangkit, pihak perwakilan boleh mengajukan semula isu berkenaan kepada LHDNM untuk penelitian lanjut.
- 4.2. Justeru, semua pihak diseru untuk memainkan peranan masing-masing dalam memastikan agenda pematuhan cukai berada di landasan sewajarnya. Dengan itu, hasil kutipan cukai melalui pematuhan tinggi oleh pembayar cukai dapat menyumbang kepada negara terutamanya bagi membiayai sebahagian besar dana untuk pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan bantuan oleh kerajaan ketika mengharungi cabaran pandemik.
- 4.3. Pengerusi sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MOF, para perwakilan, barisan pengurusan tertinggi LHDNM dan pegawai LHDNM yang menghadiri sesi dialog ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.40 tengah hari.

Disahkan oleh :

Untuk dan bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

.....  
**[DATO' SRI DR. SABIN SAMITAH]**

Pengerusi Dialog

Ketua Pegawai Eksekutif


Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**CATATAN SESI DIALOG ISU-ISU BAJET 2021 ANTARA LHDNM DENGAN  
PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN  
8 Februari 2021**

---

Disahkan tertakluk kepada penjelasan lanjut sekiranya terdapat pertanyaan berkenaan maklum balas kepada komen daripada pihak persatuan:

Untuk dan bagi pihak Chartered Tax Institute of Malaysia, Malaysian Institute of Accountants, The Malaysian Institute of Certified Public Accountants and The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators.



.....  
**[MS. FARAH ROSLEY]**

Presiden

Chartered Tax Institute of Malaysia